

Dasar tambatan ringgit masih beri kelebihan daya saing

BH 17/7/03

TIADA tekanan untuk kerajaan menyemak semula dasar tambatan ringgit kepada dolar Amerika Syarikat (AS) walaupun mata wang tempatan itu berada di bawah nilai sebanyak 10 peratus, kata Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (Mier).

Pengarah Eksekutifnya, Dr Mohamed Ariff Abdul Kareem, berkata dasar tambatan ringgit "kepada dolar tidak akan berubah dalam jangka masa terdekat berikutan kelebihan yang diberikannya kepada ekonomi negara.

Beliau berkata, tambatan ringgit pada kadar RM3.80 bagi satu dolar yang dilaksanakan pada

1998 sudah terbukti memberikan kelebihan daya saing kepada Malaysia.

"Jika dasar tambatan itu ditamatkan, nilai ringgit mungkin meningkat," katanya ketika ditemui pemberita selepas Taklimat Ekonomi Negara ke-18 anjuran Mier di Hotel Sheraton Imperial di Kuala Lumpur, semalam.

Mohamed Ariff berkata, nilai ringgit yang lebih rendah memberikan kelebihan kepada Malaysia sebagai sebuah negara perdagangan, sekali gus mengekang kelebihan yang kini dinikmati China apabila nilai yuan yang dianggarkan berada di bawah ni-

lai sebanyak 20 peratus berbanding dolar.

"Persaraan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Oktober depan tidak mencerminkan berakhirnya dasar tambatan ringgit," katanya menengulas dakwaan Malaysia akan menukar dasar tambatan ringgit apabila Dr Mahathir bersara.

Malaysia menetapkan kadar tukaran KM3.80 bagi satu dolar ketika krisis kewangan Asia bersama dasar kawalan modal berpilih untuk mengelak ekonomi daripada terus merudum.

Sebahagian besar daripada dasar berkenaan sudah ditamatkan

kecuali tambatan ringgit, sejajar dengan dasar kerajaan mengekalkan ringgit pada paras sekarang kecuali mata wang serantau meningkat 20 peratus daripada kadar peraturan 1998.

Dasar mata wang Asia mendapat perhatian dunia apabila Setiausaha Perbendaharaan Amerika Syarikat, John Snow dilaporkan berkata, beliau difahamkan China mungkin menukar tambatan mata wangnya manakala Presiden Bank Pusat Eropah, Wim Duisenberg pula berkata, tambatan menjejaskan pembedahan ketidakseimbangan dalam ekonomi global.